



# JC Tinggalkan Kenangan Di hati Warga UMS

Seorang pelajar tahun akhir program Pendidikan dengan TESL, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyifatkan mendiang Ng Shi Ing sebagai penyuntik semangat kepada beliau dan rakan-rakannya.

Jaclyn Yau, yang dilihat hadir bersama beberapa orang rakan pada kelihatan sejak ketika meletakkan beberapa kuntum bunga berdekatan bingkai gambar mendiang sebagai simbolik penghormatan terakhir.

"Mendiang selalu menasihatkan kami untuk mencari setiap potensi diri walaupun ianya kecil. Beliau sangat disayangi oleh pelajar-pelajarnya kerana sifatnya yang ramah dan suka membantu. Kami sangat terasa akan kehilangannya," katanya.

Pemergian Ing Shi Ing atau lebih dikenali dengan nama timangan JC, turut dirasai oleh seorang jiran dan rakan sekerja mendiang, Prof. Madya Mat Zin Mat Kib.

"Beliau ialah seorang jiran yang baik dan rakan akademik yang selalu bertukar pendapat dalam sesi akademik. Saya sangat merasa kehilangan seorang sahabat. Saya mengharapkan keluarga dapat menerima pemergian ini dengan hati yang tenang," ujar beliau ketika ditemui selepas Majlis Perkabungan anjuran FPP.

Pada Istimadat Sambutan Penerimaan Jenazah Mangsa MH17 di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), kendi abu mendiang Ngi Shi Ing dibawa pulang menggunakan pesawat komersil MH19 yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Schiphol, Belanda dan tiba di KLIA pada pukul 8.30 pagi.

Kendi abu mendiang Ngi Shi Ing kemudiannya dibawa ke Xiao En Bereavement Care di Cheras untuk ditempatkan bersama abu adiknya, Elisabeth Ng Lye Ti yang telah tiba lebih awal bersama 19 jenazah lain.

## DEKAN SIFATKAN MENDIANG NG SHI ING PENSYARAH MUDA DINAMIK

Lebih 200 orang warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertafakur bagi memperingati pemergian mendiang Ng Shi Ing, seorang pensyarah UMS yang turut menjadi korban naas MH17, Julai lalu.

Majlis Perkabungan sempena Hari Perkabungan Negara itu berlangsung dalam keadaan sayu dan pilu apabila hadirin dilihat tidak dapat menahan kesedihan dan menitiskan air mata ketika video 'JC In Memories' ditayangkan pada skrin besar di Mini Auditorium Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP).

"Mendiang seorang pensyarah muda yang dinamik. Mendiang pergi ke Belgium tempoh hari adalah atas dasar menunaikan tanggungjawab untuk membentangkan kertas kerjanya di persidangan antarabangsa,"

Dekan FPP, Prof. Dr. Ismail Ibrahim menyifatkan pemergian Ng Shi Ing merupakan satu kehilangan yang sukar dicari ganti.

"Mendiang seorang pensyarah muda yang dinamik. Mendiang pergi ke Belgium tempoh hari adalah atas dasar menunaikan tanggungjawab untuk membentangkan kertas kerjanya di persidangan antarabangsa," katanya ketika ditemui media selepas acara tersebut.

Turut hadir memberikan penghormatan terakhir, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah, Datuk Jainab Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan pegawai-pegawai kanan universiti.